



MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI

**TEKS UCAPAN**

YBHG. DATO' Sr. HAJI ROZALI BIN HAJI MOHAMUD

**SEMPENA**

MAJLIS PERASMIAK KARNIVAL SISA SIFAR  
DAN PELANCARAN 8R PUSAT SUMBER  
ALAM SEKITAR TAMAN BAGAN LALANG,  
BUTTERWORTH

**OLEH**

YANG AMAT BERHORMAT TUAN LIM GUAN ENG  
**KETUA MENTERI PULAU PINANG**

**14 JANUARI 2018 (AHAD)  
9.00 PAGI**

**PUSAT SUMBER ALAM SEKITAR  
TAMAN BAGAN LALANG, BUTTERWORTH**

*Disediakan oleh Jabatan Korporat dan Perhubungan Antarabangsa*

**Terima kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis**

**Yang Amat Berhormat Tuan Lim Guan Eng**  
Ketua Menteri Pulau Pinang

**Yang Berhormat Tuan Lim Hock Seng**  
Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang  
Merangkap Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Utiliti (Tenaga, Air & Telekom) Dan Pengangkutan (Udara, Laut & Kereta Api)

**Yang Berhormat Tuan Phee Boon Poh**  
Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang  
Merangkap Pengerusi Jawatankuasa Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar

**Yang Dihormati Ahli Majlis-Ahli Majlis**  
Majlis Perbandaran Seberang Perai

**Yang Berusaha Puan Ir Hjh Rosnani bt Hj Mahmod**  
Setiausaha Perbandaran  
Majlis Perbandaran Seberang Perai

**Yang Berusaha Encik Ch'ng Kian Ann**  
Naib Pengerusi Pusat Sumber Alam Sekitar Taman Bagan Lalang

**Yang Berusaha Encik Lim Chee Keong**  
Pengerusi Jawatankuasa Penganjur Karnival Sisa Sifar

**Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai**  
Majlis Perbandaran Seberang Perai

**Kakitangan-Kakitangan**  
Majlis Perbandaran Seberang Perai

**Rakan - Rakan Media**

**Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian**

Assalamualaikum warahmatullahhiwabarakatuh,

Selamat pagi dan salam sejahtera,

Alhamdulillah, bersyukur kehadrat Allah S.W.T. kerana dengan izinnya dapat kita bersama pada hari ini dalam Majlis Perasmian Karnival Sisa Sifar Dan Pelancaran 8R Pusat Sumber Alam Sekitar Taman Bagan Lalang, Butterworth. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada Pusat Sumber Alam Sekitar Taman Bagan Lalang, Butterworth yang merupakan pusat sumber pertama menyahut cabaran mengamalkan 8R.

Sebelum itu, izinkan saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada YAB Ketua Menteri kerana sudi melapangkan masa hadir ke majlis ini dan seterusnya merasmikan Karnival Sisa Sifar Dan Pelancaran 8R Pusat Sumber Alam Sekitar Taman Bagan Lalang, Butterworth pada pagi yang berbahagia ini.

Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada pengurusan Pusat Sumber Alam Sekitar Taman Bagan Lalang kerana sudi

mengambil bahagian dalam program kitar semula dan sisa sifar bersama MPSP.

Program yang dilaksanakan oleh pusat ini termasuklah pengasingan sisa di punca, pengumpulan minyak masak terpakai dan pengumpulan sisa dapur untuk pengkomposan. Keterbukaan pihak Pasukan Kerja Taman Bagan Lalang dalam menerima MPSP untuk menjalankan program sisa sifar merupakan satu langkah permulaan yang penting untuk membentuk sebuah komuniti yang lestari.

**YAB Tuan, Yang Berhormat, Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,**

Ssehingga kini terdapat 69 Pusat Kitar Semula di seluruh Seberang Perai (termasuk Pusat Sumber Alam Sekitar di Taman Bagan Lalang, Butterworth):-

- a) Seberang Perai Utara – 25 Pusat Kitar Semula;
- b) Seberang Perai Tengah – 31 Pusat Kitar Semula; dan
- c) Seberang Perai Selatan – 13 Pusat Kitar Semula.

Pusat-pusat kitar semula yang ditubuhkan di seluruh Seberang Perai telah menunjukkan kejayaan terutamanya dalam pengumpulan barangkitar semula. Bagi tahun 2017 sahaja, kesemua pusat kitar

semula ini telah berjaya mengumpul sebanyak 256,590kg barang kitar semula.

Seberang Perai telah berjaya dengan satu pencapaian yang hebat di mana kadar kitar semula bagi keseluruhan Seberang Perai telah meningkat daripada 22% pada tahun 2008 kepada 42% pada tahun 2017. Kadar kitar semula ini, adalah beratan kitar semula dari pelbagai agensi seperti pusat kitar semula di kawasan perkampungan dan perumahan, kilang, NGO dan juga sekolah-sekolah di seluruh Seberang Perai. Pusat Sumber Alam Sekitar Taman Bagan Lalang merupakan penyumbang kitar semula yang terbesar dari kalangan pusat sumber. Tahniah kepada Pengerusi, Jawatankuasa dan semua penduduk Taman Bagan Lalang.

Saya mewakili MPSP amat berbesar hati sekiranya banyak lagi kawasan perkampungan mahupun taman-taman perumahan di Seberang Perai mengambil inisiatif mewujudkan pusat sumber alam sekitar dan juga pengumpulan sisa organik. Pihak MPSP akan sentiasa bersama-sama tuan-tuan dan puan-puan dalam memberikan perkhidmatan yang sebaiknya. Kerjasama komuniti amat penting kerana ia dapat membantu MPSP dalam aspek menjaga kebersihan.

Taman Bagan Lalang telah mula bergiat dalam program kitar semula sejak penubuhan Pusat Sumber Alam Sekitar Taman Bagan Lalang pada 1 Januari 2010. Pusat sumber alam sekitar ini adalah di antara peneraju pusat-pusat sumber alam sekitar yang lain dan ditubuhkan di bawah inisiatif YB Phee Boon Poh. Kempen pengasingan sisa diadakan dari rumah ke rumah dan penghuni menyimpan barang kitar semula di rumah atau membawanya ke pusat pengumpulan. Pasukan Kerja Taman Bagan Lalang mengadakan kutipan dari rumah ke rumah pada hari Ahad pertama setiap bulan. Sebanyak 115,090 kg barang kitar semula telah berjaya dikumpul sejak 2011 dan hasil jualan sebanyak RM30,000 telah diperolehi dan pendapatan ini digunakan untuk kerja amal. Syabas dan tahniah saya ucapkan.

Di samping kejayaan dalam kitar semula, Pusat Sumber Alam Sekitar Taman Bagan Lalang juga merupakan juara dalam penghasilan kompos. Sebuah mesin kompos berkapasiti 1 tan telah berjaya dipasang di pusat ini. Pusat ini mula menerima sisa organik yang dikumpul dari Taman Desa Oren dan 6 buah restoran di kawasan sekitar Taman Bagan Lalang. Sebanyak 10 tan sisa makanan dikutip dari enam (6) buah restoran sejak September 2017. Hari ini kita akan memberikan sijil penghargaan kepada mereka

kerana mengamalkan sisa sifar melalui pengumpulan sisa organik dan seterusnya dijadikan kompos.

**YAB Tuan, Yang Berhormat, Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,**

Saya amat mengalu-alukan kerjasama daripada semua komuniti di SPU, SPT dan SPS untuk memaksimumkan kitar semula, meminimakan sisa lebihan, mengurangkan penggunaan dan memastikan setiap barang yang dihasilkan boleh diguna semula, dibaiki, dikitar dan dikomposkan sesuai dengan konsep 8R yang sentiasa saya war-warkan iaitu:-

1. *Rethink (Be mindful of your consumption, your relationship with ‘things’ and your relationship with the Earth).* Ianya mengajar kita membuat pembelian secara berhemah atau mengambil sekadar keperluan. Ini dapat mengelakkan pembaziran dari sisa tersebut berakhir di tapak pelupusan.
  
2. *Refuse (Don’t consume what you don’t need to).* Kita sentiasa mempunyai pilihan. Jangan beli apa-apa yang tidak diperlukan. Sebagai contoh menolak penggunaan plastik kerana plastik merupakan sumber terbesar pencemaran alam.

3. *Reduce (Reduce consumption of energy and materials).*

Kurangkan jumlah sampah yang dihasilkan untuk dihantar ke tapak pelupusan sampah. Sebagai contoh: pengurangan penggunaan barang pakai buang seperti peralatan makan dan minum (*disposable utensils*); membeli produk yang tidak mempunyai pembungkusan yang terlalu banyak; dan memulakan kompos sampah.

4. *Re-use (Share with others. Find new uses for old objects).*

Mulakan langkah mudah dalam pengurangan sisa. Contoh harian yang dapat kita lihat adalah mengamalkan penggunaan *reusable bag* ketika membeli-belah. Beg plastik bukan sahaja akan berakhir di tapak pelupusan, sebaliknya ia juga mungkin akan berakhir di dalam parit atau longkang yang bilamana tersumbat boleh menyebabkan banjir kilat.

5. *Repair (Fix or upgrade your objects rather than throwing them away).* Tidak terus membuang barang-barangan yang rosak.

Sebilangan barang yang rosak boleh dibaiki dan digunakan semula.

6. *Re-gift (Share, and be a part of the gift company).* Barang yang masih boleh digunakan dihadiahkan atau disumbangkan kepada pihak yang memerlukan.
7. *Recover (Energy and materials recovery).* Rawatan bahan buangan untuk menjana tenaga. Tenaga yang dihasilkan oleh kaedah khas dan digunakan sebagai kuasa / tenaga.
8. *Recycle (Close the loop and remake).* Cara dan kaedah dalam menjalankan kitar semula barang-barangan yang dibuang. Selain itu, mempraktikkan seni *upcycle*, barang terbuang untuk dijadikan suatu barangan baharu, yang berkualiti, bernilai dan boleh digunakan. Malah, ianya boleh dijadikan sebagai punca sumber pendapatan yang lumayan.

**YAB Tuan, Yang Berhormat, Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,**

MPSP telah menetapkan sasaran untuk mencapai kadar kitar semula sebanyak 70% pada tahun 2022 dan beratan sampah ke tapak pelupusan sampah dikurangkan sehingga 50%. Angka-angka ini merupakan satu sasaran yang tinggi dan hanya boleh dicapai sekiranya MPSP dan penduduk Seberang Perai bersama-sama berganding bahu mencapai matlamat ini. Warga Seberang Perai

hendaklah menjadikan kitar semula sebagai tunjang utama dalam penjagaan alam sekitar yang lebih lestari dan hijau. Di antara langkah-langkah perancangan MPSP bagi mencapai sasaran ini:-

- i. Meningkatkan penyertaan lebih banyak kilang, sekolah dan komuniti dalam program kitar semula.
- ii. Menggalakkan aktiviti kitar semula kepada Agensi-agensi Kerajaan di Seberang Perai.
- iii. Mewujudkan pusat-pusat kompos.
- iv. Mewujudkan bank data pemungut barang kitar semula pada 1 April 2018.
- v. Meningkatkan pengeluaran barang *upcycle* yang dihasilkan daripada sisa / bahan buangan sebagai bahan baru atau produk baru yang kualitinya hampir sama atau lebih baik melalui reka bentuk yang kreatif.

MPSP berharap selain dari mengumpul barang kitar semula, pusat sumber alam sekitar perlu dijadikan sebagai tempat *education*

*and awareness* bagi menggalakkan kesedaran betapa pentingnya menjaga alam sekitar.

**YAB Tuan, Yang Berhormat, Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,**

Di kesempatan ini, saya ingin menghebahkan bahawa dalam Promosi Kutipan Cukai Pintu 2018, MPSP menyediakan cenderamata berbentuk barang *upcycle* kepada pembayar cukai taksiran yang layak iaitu pemilik premis hendaklah membayar keseluruhan cukai taksiran 2018 untuk setahun serta pembayaran hendaklah dibuat secara online (bank / laman sesawang), melalui kiosk bayaran atau melalui agen kutipan yang dilantik seperti bank-bank dan Pos Malaysia. Bagi setiap akaun yang layak, akan diberikan satu (1) cenderamata sahaja. Bayaran di kaunter MPSP tidak layak untuk mendapat cenderamata tersebut.

Cenderamata daripada barang ‘*upcycle*’ ini adalah bertujuan untuk menggalakkan warga Seberang Perai melaksanakan ‘*recycling*’ serta sebahagian daripada program pendidikan untuk menunjukkan barang kitar semula boleh digunakan semula untuk menghasilkan produk-produk tertentu yang boleh dipasarkan serta mempunyai nilai tambah atau ‘*value added*’. Usaha ini juga boleh dibuat oleh semua pusat sumber alam sekitar memandangkan semua barang kitar

semula ini dikumpulkan di sini. MPSP sentiasa bersedia membantu dengan menyediakan tenaga pengajar sekiranya berminat. Kita ingin menggalakkan lebih ramai penyertaan untuk menghasilkan lebih banyak barang *upcycle* dan MPSP juga sedang mengusahakan program “*Training for Trainers*”.

Saya berharap dengan pemberian cenderamata daripada barang *upcycle* ini yang menjadi tanda terima kasih pihak pengurusan MPSP kepada warga Seberang Perai adalah lebih dihargai.

**YAB Tuan, Yang Berhormat, Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,**

Tanggal 15 Januari 2018 genaplah tempoh perkhidmatan saya selama 200 hari sebagai Yang Dipertua MPSP. Saya telah menetapkan 12 Pelan Tindakan untuk direalisasikan dalam tempoh 200 hari dan menjadi Kontrak Sosial YDP dengan rakyat dan Kerajaan Negeri yang diketuai oleh Ketua Menteri, Yang Amat Berhormat Tuan Lim Guan Eng. Saya akan umumkan kad laporan (*report card*) pencapaian 12 pelan Tindakan tersebut pada 25 Januari 2018. 12 Pelan Tindakan tersebut adalah:-

1. Pemotongan rumput dan pembersihan longkang diperluaskan di kampong:-
  
2. Melaksanakan “*Pocket Park*”,
  - Menanam 3,000 pokok tecoma
  - *Forest Bathing*, Bukit Juru
  
3. Deraf Bandaraya Rendah Karbon menjelang 2022;
  
4. Pelan Strategi Seberang Perai 2018 - 2022;
  
5. Pengurangan sisa kepada 3% per capita;
  
6. ‘*Bike Friendly Community*’:-
  - Taman Merbau
  - Jalan Perda Barat
  - Taman Belatuk
  
7. Bengkel *up-cycle* untuk *Local Economic Development* (LED);
  
8. Program “SPICEC 2018” tahun 2018;

9. Kempen Garis Panduan - 'car wash', kedai jualan kereta, 'food truck';
10. Garis Panduan Pemutihan Kilang Haram;
11. Garis Panduan Warisan Seberang Perai;
12. Penggunaan IoT, 'Open Data', 'Cloud Computing' dan GIS ke arah '*Smart Cities*'.

Berdasarkan perubahan expektasi rakyat yang mahukan perkhidmatan yang cemerlang, MPSP telah tampil dengan Pelan Strategi 2018-2022 dan *Seberang Perai Corporate Priorities 2018*. MPSP sentiasa menjadikan "*Seberang Perai is For All*" sebagai *guiding principal* dalam memacu MPSP ke arah inklusif. Justeru itu, bagi mencapai "*Seberang Perai An Aspiring City Of Tomorrow*", saya menyeru kepada seluruh warga Seberang Perai untuk terus memberikan sokongan kepada MPSP ke arah matlamat menjadikan **Seberang Perai Resilient, Inklusif, Hijau, Kompetitif dan Bandar Pintar Dipacu oleh Teknologi**.

MPSP telah menyenaraikan 85 program dan 201 aktiviti setiap tahun. Daripada jumlah tersebut, 26 *Strategic Programs* dijangka

dapat menjadi pemangkin kepada ekonomi digital, kelancaran lalulintas, keselamatan, bandar rendah karbon, resilient, kompetitif dan persekitaran yang bersih.

**YAB Tuan, Yang Berhormat, Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,**

Salah satu aktiviti rendah karbon yang dilaksanakan adalah Program *Car Free Morning* di Seberang Jaya setiap pagi Ahad minggu pertama. Program ini memberi peluang kepada warga Seberang Perai untuk menyertai aktiviti riadah seperti senamrobik dan berbasikal di kawasan ini yang melihatkan satu usaha untuk mengurangkan pencemaran udara dan meningkatkan kesedaran mencintai alam sekitar dalam kalangan penduduk dan juga menggalakkan masyarakat mengamalkan gaya hidup sihat. Pelbagai aktiviti lain juga terdapat di sini seperti pameran pendidikan mesra alam, gerai-gerai jualan dan permainan tradisional yang dapat disertai oleh orang ramai. Program ini akan dikembangkan ke Autocity, Juru mulai minggu kedua bulan hadapan. Saya berharap semua warga Seberang Perai akan datang beramai-ramai dan menyokong usaha MPSP ini.

Sekali lagi, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada penghuni Taman Bagan Lalang, dalam usaha membantu MPSP untuk menjaga Seberang Perai supaya lebih bersih dan cantik serta mempunyai penduduk yang sihat sejahtera dengan *tagline* MPSP iaitu “***Seberang Perai Aspirasi Bandar Masa Hadapan***” atau “***Seberang Perai Aspiring City of Tomorrow***”.

Saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih sekali lagi kepada YAB Tuan Lim Guan Eng, Ketua Menteri Pulau Pinang, YB Tuan Phee Boon Poh, Ahli Majlis MPSP dan penduduk-penduduk yang hadir di pusat ini yang memberikan komitmen penuh dalam program kitar semula.

Saya seterusnya menyeru para hadirin sekalian untuk menjadikan kitar semula dan sisa sifar sebagai satu amalan dalam budaya hidup seharian, agar bumi yang kita pinjam dari generasi akan datang ini, dapat dikembalikan kepada mereka seindah dan sehijau mungkin. Diharapkan dengan program kitar semula ini dapat merealisasikan motto Negeri Pulau Pinang dalam menjadikan Pulau Pinang sebagai “*Cleaner, Greener, Safer and Healthier Penang*”.

Akhir kata, terima kasih kepada rakyat yang telah menyokong semua usaha yang telah dibuat oleh MPSP selama ini. Terima kasih

juga saya rakamkan kepada YAB Ketua menteri Pulau Pinang, Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Ketua-ketua Jabatan dan seluruh warga MPSP yang telah menyokong dan memberi kerjasama yang padu sepanjang saya menerajui khidmat saya di MPSP ini.

***Sekian,***

***Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum***

***Warahmatullahi Wabarakatuh.***

**Terima kasih.**